


UMP menang anugerah khas MIPA dan 13 emas dalam ITEX 2016



Kuala Lumpur, 14 Mei- Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih kejayaan besar apabila dianugerahkan 13 pingat emas dan satu Anugerah Khas Malaysia Innovative Products Award (MIPA) serta tujuh pingat perak dan dua pingat gangsa dalam International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) ke-27 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Produk PISOPTERA: *The Green Technology Solution for Eliminate Termite* oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) iaitu Abdul Syukor Abd. Razak menerima pingat emas dan Anugerah MIPA yang merupakan anugerah yang diberikan kepada produk-produk yang telah berjaya dikomersilkan di Malaysia dan juga telah mendapat pingat emas pada pertandingan ITEX tahun sebelumnya.

Tiga pingat emas disumbangkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu Dr. Devarajan A/L Ramasamy dengan projek "*Dissimilar CAM Profile for CNG Engine*", Dr. Muhamad Mat Noor dengan projek "*Novel Combustion of N-Heptane Fueled in Homogenous Charge Compression Ignition Engine*" dan Dr. Saiful Anuar Che Ghani (FKM) dengan projek "*Wrehab – A Rehab Device to assist wrist recovery of Traumatic Brain Injury Patient*"



Tiga lagi pingat emas diraih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Dr. Sumaiya bt Zainal Abidin@Murad dengan projek *Sulphonated Hypercrosslinked Exchange Resin (SHER) as Catalyst in Reaction Processes* dan Mohd Najib Razali dengan projek *Eco-Friendly Modified Bitumen from IndustrialWastes (From Waste to Wealth)*". Dr. Vo Nguyen Dai Viet (FKKSA) dengan projek *Multi-Functional Modified NI/SBA-15 CATALYST for Syngas production from Various H-Cointaining Compounds*",

Pingat emas turut dimenangi Dr. Essam Abdellatif Makky dengan projek *"Mouthwash Vs OP: Reality & Improvement"*, Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dari Fakulti kejuruteraan Pembuatan ((FKP) dengan projek *"Online Deep Drilling Monitoring Assessment Tool (ODDMAT)"*, Prof. Dr. Abdullah Ibrahim dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dengan projek *Development of Mathematical Models for Quantitative Risk Assessment in Petroleum Refining Industry*", Prof. Mady Dr. Mazlina bt Abdul Majid (FSKKP) dengan projek *"Colour Scheme Assessment Tool (COSAT)"*, Dr. Intan Suhana bt Mohd Razelan dengan projek *"REAP: Road Enviroment Assessment Program"* dan Ikram Mohd Rashid dengan projek *" Split Plug-In Hybrid Electric Car Conversion Kit."*



Pingat perak dibawa pulang oleh Prof. Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah (FSKPP) dengan projek "*Dashboard Model for Social Research Network Sites*", Dr. Muhammad Nomani Kabir (FSKPP) dengan projek "*A Web Extension for Authentication of Online Hadith Texts*", Prof. Madya Dr. Fahmi Samsuri dengan projek "*Farmer Digital Expert Assistant System and Future Prospective*", Dr. Ngien Su Kong (FKASA) dengan projek "*Contalisis*", Dr. Mohd Hafizi bin Zohari (FKM) dengan projek "*Smart Monitoring of Composite Structure (SMOCS)*", Mohd Shafierul Zaman Abdul Majid dengan projek "*Mobile Technical English Module (MOTEM)*", dan Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan (FKKSA) dengan projek "*Photosynthesis: Turn CO₂ into Fuel.*"

Pingat gangsa pula telah disumbangkan oleh dua projek iaitu "HUFFAZ-M" oleh Dr. Rashidi Abbas dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) serta Ir. Dr. Faiz bin Mohd Turan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan projek "*Sustainable Design Concept Evaluation (SDCE.)*"

Booth UMP juga telah mendapat pingat perak bagi "*Best Booth Design*" untuk ITEX 2016 ini. ITEX 2016 telah berlangsung selama tiga hari ini telah di sempurnakan upacara perasmiannya oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.



Disediakan oleh Mohd. Shahri Mohd. Akhir dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 16-05-2016, 15:10:03